



## LAPORAN SEMINAR MIGRASI PERTAMA



### PERLINDUNGAN TENAGA KERJA INDONESIA DI MALAYSIA

anjuan

Kumpulan Kajian Migrasi (KKMig)

Di FAKULTAS HUKUM, UNIVERSITAS INDONESIA, JAKARTA INDONESIA.

Seminar Migrasi Pertama bertemakan *Perlindungan Tenaga Kerja Indonesia Di Malaysia* telah di adakan pada 21 dan 22 Januari 2010 di Fakultas Hukum, Universitas Indonesia(FH,UI), Jakarta bagi tujuan mendekatkan kerjasama di antara Fakulti Undang-Undang(FUU,UKM) dengan Fakultas Hukum, Universitas Indonesia. Kerjasama yang mulanya secara informal di antara dua kumpulan penyelidik Migrasi (FUU,UKM& FH,UI), kini di perkukuhkan lagi dengan adanya penandatanganan LOI (Surat Hasrat) pada acara perasmian Seminar tersebut di antara Dekan FH Prof.Dr Safri Nugraha dan Timbalan Dekan, Siswazah, Penyelidikan, Industri dan Hubungan Antarabangsa, PM Dr Anisah Che Ngah sebagai wakil Fakulti. Di antara perkara yang di persetujuan meliputi;

1. Aktiviti penyelidikan bersama, program Akademik dan kerjasama Kumpulan Kajian Migrasi;
2. Pertukaran Tenaga Pengajar bagi pembangunan kedua-dua Fakulti;
3. Penukaran pelajar siswazah bagi maksud pembelajaran dan penyelidikan; dan
4. Penerbitan akademik.

Sepanjang dua hari berseminar, sepuluh kertas kerja di sampaikan oleh pembentang-pembentang daripada ahli KKMig (FUU- FH), Duta Besar Indonesia di KBRI, Kuala Lumpur (TYT. Tan Sri Dai Bakhtiar) dan Attaché Ketenagakerjaan (Bapak Teguh),wakil daripada *Migrant Care*, badan NGO Kalimantan, Profesor Ibu Sulistiowati Irianto (Pusat Studi Gender,UI),Attaché Imigresen Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta (En Kamarzeri) dan bekas wakil PAPA (Persatuan Agensi Pembantu Rumahtangga) Dato' Zulkifli. Kemeriahan Seminar di serikan lagi dengan Ucapan utama oleh Menteri Pemberdayaan Perempuan dan Anak, Ibu Linda Amelia Sari pada hari ke 2 seminar berlangsung. Ahli KKMig mengucapkan Tahniah di atas kejayaan pelaksanaan Seminar Migrasi Pertama ini yang di pengurusikan secara bersama oleh Bapak Hendrawan Halim dan Bapak Dr Yoni A Setyono SH,MH. Ucapan Penghargaan kami sampaikan kepada seluruh Panitia FH,UI dan FUU,UKM di atas keterlibatan semua pihak sepanjang dua hari seminar berlangsung.

Mewakili Fakulti Undang-Undang, Datin Dr.Rohani Abdul Rahim dan Dr.Salawati Mat Basir serta Pelajar-pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah iaitu Asmar bt Abdul Rahim, Norsuhaida bt Che Musa, Muhamad Sayuti bin Hassan@Yahya, M. Qahar Awaka, Dilla Febrianda, Bonar Wicoksono dan Lily-Ezzatolmolook Zeiranzadeh Gashti.

Di antara perkara yang di bincangkan meliputi:

1. Isu yang timbul daripada layanan majikan (Malaysia) terhadap pekerja (TKI) perlu dilihat secara serius dan diberi perhatian oleh kedua-dua belah pihak.
2. Isu TKI ini perlu dinilai secara holistik dengan mengambil kira hak di bawah undang-undang dan juga hak asasi kemanusiaan.
3. Dari aspek yang lain, kepentingan majikan juga tidak harus dipandang ringan kerana terdapat pelbagai aduan bahawa kualiti kerja TKI tidak memuaskan berbanding dengan pekerja yang datang dari negara lain seperti Filipina.
4. Isu penderaan TKI dan kegagalan membayar gaji terhadap TKI bukan lagi dilihat sebagai isu jenayah semata-mata malah ianya telah diperhalusi dari lunas undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia.
5. Negara penerima TKI juga menuntut agar Indonesia mencontohi Negara Filipina dalam menyediakan pembantu rumah terlatih sebelum dihantar untuk berkhidmat di negara lain.

Malah, mereka diberikan satu sijil kelayakan yang mencerminkan keupayaan mereka untuk melakukan kerja-kerja sebagai pembantu rumah.

6. Dalam konteks yang lebih luas, para pekerja TKI juga selalu dikaitkan dengan masalah sosial dan perlakuan jenayah. Terdapat pembantu rumah yang melarikan diri dan ada juga yang telah melakukan jenayah seperti mencuri, menculik anak majikan dan sebagainya. Peserta juga mempersoalkan tanggungjawab kerajaan Indonesia dalam menangani isu kekejaman sosial dan jenayah oleh TKI di Negara Malaysia. Selain itu, peserta juga membangkit persoalan adakah langkah yang di ambil untuk menangani isu dan masalah yang melibatkan TKI di negara lain termasuk negara timur tengah kerana di sana juga terdapat isu seperti dera dan juga gangguan seksual
7. Oleh yang demikian, antara hak dan tanggungjawab ini perlu diselarakan. Ianya perlu diharmonikan dengan mewujudkan kerjasama yang jitu di antara kedua-dua belah pihak dalam memastikan tiada pihak yang diabaikan dan kualiti tenagakerja dipertingkatkan.
8. Antara perkara yang perlu diberi perhatian di dalam isu migrasi adalah faktor penyumbang kepada masalah lain seperti agen yang tidak memainkan peranannya, kemasukan TKI ke Malaysia secara tidak sah, tidak memiliki dokumen pekerjaan yang sah, penipuan umur sebenar dan juga kelayakan lain seperti tahap kesihatan dan sebagainya.
9. Perbincangan dari perspektif gender pula memberi fokus khusus kepada kes penderaan yang berlaku terhadap golongan wanita. Atas dasar kelemahan tersebut, majikan telah menggunakan kesempatan ini melakukan perlecehan seksual dan pengabaian ke atas hak asasi pekerja migran.

Kesimpulan daripada seminar ini, suatu kerjasama diplomasi perlu diperkukuhkan agar institusi ketenagakerjaan ini dijadikan sebagai medan untuk menjalin suatu kerjasama yang lebih baik di mana hubungan Malaysia-Indonesia boleh dianggap seperti hubungan adik-abang kerana wujud dalam rumpun dan rantau yang sama.

*(Slid presentasi Seminar boleh di lihat pada laman sesawang kami, [www.kkmig-migration.net](http://www.kkmig-migration.net) yang sedang disiap pembinaannya)*